

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) selaras dengan Artikel 113 (4) Perlembagaan Persekutuan, adakah Kerajaan berhasrat untuk membenarkan Suruhanjaya Pilihan Raya memulakan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan; dan
- (b) apakah halangan-halangan utama yang menyebabkan Kerajaan enggan mengadakan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan seperti amalan di 1 negara-negara maju dan membangun yang lain.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) sekiranya diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri.

Sebelum ini, undang-undang persekutuan yang berkaitan dengan pilihan raya kerajaan tempatan ialah Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473]. Bahagian V Akta 473 tersebut, mempunyai peruntukan mengenai kuasa SPR untuk menyelia pilihan raya bagi melantik Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan oleh subseksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Seksyen 10, Akta 171 pula menghendaki keanggotaan sesuatu Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat secara pelantikan (*by appointment*). Justeru itu, SPR tidak boleh menjalankan Pilihan Raya

Kerajaan Tempatan kerana undang-undang tidak membenarkannya berbuat demikian.

Perkara ini juga telah diputuskan sebulat suara di peringkat Mahkamah Persekutuan dalam kes Kerajaan Pulau Pinang dan satu lagi lawan Kerajaan Malaysia dan satu lagi pada 14 Ogos 2014. [Government State Of Penang & ANOR v. Government Of Malaysia & ANOR].

Kerajaan juga tidak berhasrat untuk mengadakan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan kerana sistem sedia ada masih sesuai untuk diteruskan.

Sekian. Terima kasih.